

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	15/12/2019	MUKA SURAT : 43
JABATAN	:	JPS / BANJIR	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Enam daerah di Johor dilanda bah

Jumlah mangsa cecah 2,640, 46 PPS dibuka selepas hujan 24 jam

Oleh Mohamed Farid Noh, Muhamad Fatroz Azizan dan Adnan Ibrahim
bhnnews@bh.com.my

Johor Bahru: Keadaan banjir di negeri ini semakin buruk apabila jumlah mangsa meningkat kepada 2,640 orang memabatkan 703 keluarga berikutan hujan lebat hampir 24 jam sejak tengah hari kelmarin, menjejaskan kira-kira enam daerah setakat jam 9 malam tadi.

Sebanyak 46 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di Johor dengan daerah paling terjejas adalah Klang dengan 18 PPS diikuti Kota Tinggi (12), Mersing (8), Segamat (2) manakala Muar dan Kuala Lipa pula masing-masing membuka sebuah PPS.

Sekretariat Jawatankuasa Penurusan Bencana Negeri Johor dalam kenyataannya, mangsa banjir di Klang meningkat secara mendadak kepada 679 orang daripada 187 keluarga berbanding hanya 219 mangsa daripada 61 keluarga, jam 3 petang semalam.

Sebanyak 18 PPS di Klang memabatkan Sekolah Kebangsaan Sri Kencana menempatkan 148

mangsa, Balai Aktiviti Kampung Melayu Marti (81), Balai Raya Kampung Contoh, Kahang (70), Balai Raya Kampung Muhibbah, Paloh (45), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ping Meng (37) dan SK Kahang Batu 28 (37).

Turut terbabit, SK Simpang Renggam (55), Balai Raya Kampung Chokro (74), Dewan Kolam Air (30), Balai Raya Parit Haji Haslim (27), SK Sri Lukut (26) dan SMK Sri Perdana Jalan Niyor (18).

Selain itu, Balai Raya Kampung Bentong Dalam (6), Kampung Parit Hasan (5), Sekolah Agama Kampung Tengah (4), Balai Raya Kampung Melayu Batu 4 Paloh (8), Balai Raya Kampung SC Jaya Sepakat (6) dan Sekolah Agama Layang-Layang (2).

Sebanyak 12 PPS pula dibuka di Kota Tinggi memabatkan SK Se-dili Keeil dengan jumlah mangsa teramai hafu 153 orang, Dewan Raya Sri Mahkota (135), Balai Raya Kampung Sentosa (90), SK Teluk Rannunia (58), SK Sedili Besar (29), Dewan Kampung Baru Sungai Mas (30), SK Mawal (23), SK Gembut (118), Surau Kampung Singapura (7).

Turut terjejas di Kota Tinggi



Anggota Jabatan Pertahanan Awam memindahkan mangsa di PPR1 Jalan Sawi, Klang, ke pusat pemindahan sementara, semalam. (Foto Adnan Ibrahim/BH)

adalah SK Seri Setia Jaya (85), Balai Raya Kampung Perpat (39) dan Balai Raya Kampung (23).

Mangsa banjir di Mersing pula melonjak kepada 939 orang daripada 247 keluarga berbanding hanya 388 penduduk daripada 101 keluarga jam 3 petang semalam.

Lapan PPS yang dibuka di Mersing pula adalah SK Tengku dengan mangsa banjir seramai 223 orang, SK Mersing Kanan (32), SK Air Papan (186), SK Bandar Endau (69), PPK Endau (80) dan Kompleks Taman Negara Endau Rompin (88).

Turut terjejas di Mersing adalah SK Labong (162) dan SK Pusat Air Tawar (99).

Di Segamat pula seramai 166 mangsa banjir daripada 45 keluarga memabatkan dua PPS iaitu SRJKC Ai Chuan (134) dan Dewan Serbaguna Kampung Pekan Air Panas (32).

Di Muar pula sebanyak lima mangsa banjir ditempatkan di Ba-nngunan GPW Maoiki manakala seramai 41 mangsa banjir daerah

Kulai ditempatkan di PPS Surau Sungai Sham, Layang-Layang.

Empat laluan utama di Kota Tinggi juga ditutup kepada semua jenis kenderaan kerana banjir iaitu Jalan Batu 18, Jalan Ladang Pasir Logok-Ladang Bukit Kelompok dan Jalan Ladang Bukit Payung (Tenggarih)di kawasan Kampung Tunjuk Laut selain Jalan Kampung Mawai Lama di Kampung Mawai Lama, berikutan paras air yang dalam dan deras.

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Segamat pula memaklumkan seramai 169 penduduk Orang Asli di perkampungan Orang Asli Selai, Bekok, terputus hubungan keluar masuk apabila jambatan menghubungkan kampung berkenaan ditenggelami banjir sejak tengah hari semalam.

Selain itu, sepasang petanghiti, Izat Samudin, 28, dan pasangannya, Siti Zaleha Satiman, 27, di Kampung Chokro, Simpang Renggam terpaksa bersanding di dalam air tanpa pelamin yang terpaksa dibuka lebih awal berikutan kediaman mereka dimaliki air akibat banjir sejak jam 3 pagi semalam.

Di Beaufort, Sabah, semua mangsa banjir dibenarkan pulang ke rumah masing-masing pada jam 2.30 petang semalam. Mangsa banjir terdiri daripada 160 keluarga itu dibenarkan pulang berikutan keadaan banjir di daerah ini semakin beransur pulih.

Sementara itu, seramai 144 mangsa daripada 36 keluarga di Rompin, dipindahkan ke lima pusat pemindahan sementara (PPS) petang semalam, selepas hujan lebat selama beberapa jam menengakibatkan banjir.

Semua mangsa yang terjejas dengan bencana itu ditempatkan di Balatraya Lintang/ Surau Kampung Perpat, Dewan Telok Gading, Tanjung Gemok, Balatraya Kampung Sepayang, Balatraya Kampung Janglau dan pusat pemindahan banjir Kampung Setajam.